

# KEPENTINGAN MAQASID SYARIAH DALAM BERFATWA DI MALAYSIA

Mohd Rumaizuddin Ghazali<sup>1</sup>



## ABSTRACT

This article discusses the definition of the principles of Shari'ah (maqasid shari'ah), its categories, the terminologies used to define the maqasid and the importance of ijtihad. The author elaborates that the maqasid is categorised into (i) the general principles (maqasid umum), (ii) the specific principles (maqasid khas), and (iii) the selected principles (maqasid al-juz'iyyah). The categorisation of maqasid shari'ah according to public interest (maslahat) is divided into (i) daruriyyat, (ii) hajiyat, and (iii) tahsinyyat. The historical development of this discipline of knowledge ('ilm) is also elaborated. The author believes that the term "maqasid" with expanded understanding such as that of ibn Ashur is more encompassing. Ibn Ashur's view is to protect man's overall life system and it is not restricted to the five core jurisdictions (kuliyyat al-khams) as espoused by traditional jurists (fuqaha). Nonetheless, the differences in the understanding and use of the term "maqasid" between the traditional and contemporary fuqaha remain.

*Keywords:* Maqasid shariah, wisdom of hukm, maqasid – based fatwa 'illat

---

<sup>1</sup> Profesor Madya, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

## ABSTRAK

Artikel ini membincarakan mengenai takrif maqasid Syariah, pembahagian, istilah yang digunakan dalam menggambarkan maqasid dan kepentingan dalam berijtihad. Penulis menghuraikan maqasid terbahagi kepada maqasid umum, maqasid khas dan maqasid sebahagian (*al-juz'iyyah*), pembahagian maqasid Syariah mengikut maslahah terbahagi kepada tiga iaitu *Daruriyyat*, *Hajiyat* dan *Tahsinyyat* di samping sejarah perkembangan ilmu ini. Penulis berpendapat istilah maqasid dengan kefahaman yang lebih meluas skop seperti pendapat Ibn Ashur iaitu memelihara sistem kehidupan manusia dan tidak terikat dengan *Kuliyyat al-Khams* (asas lima) seperti yang dinyatakan oleh fuqaha terdahulu. Bagi fuqaha tradisi dan semasa terdapat perbezaan dalam menggunakan istilah yang berkaitan maqasid.

Kata kunci: Maqasid syariah, hikmah hukum, `illat, fatwa berdasarkan maqasid.

## MUKADIMAH

Teori maqasid ini menekan kepada bentuk dan tujuan syariat dalam kehidupan. Dengan mengetengahkan teori usul fiqh ini, para ulama lebih moderat dan lebih universal dalam memandang syariat. Antara orang yang mengarang mengenai maqasid Syariah ialah ‘Izuddin bin Salam (m. 660), kemudian diikuti oleh al-Qarafi (m.684H) dan al-Syatibi (790H). Pada zaman moden ini, antara yang menulis mengenai maqasid Syariah ialah Muhamad Tahir bin Ashur, ‘Alal al-Fasi, Ahmad al-Raisuni dan Yusuf al-Qaradawi. Menurut Muhammad Tahir bin Ashur, antara sebab jumud dalam bidang fiqah ialah disebab kelalaian dan kurang memberi perhatian oleh ulama-ulama terhadap maqasid Syariah. Oleh itu, beliau telah mengarang buku yang khusus mengenai maqasid Syariah (Ibn Ashur, 2009:15-16). Maqasid Syariah ini semakin rancak diperkatakan apabila suburnya kebangkitan Islam terutama penyeruan ke arah pelaksanaan hukum Islam dalam negara Islam. Sebahagian dari negara tersebut menjadikan hukum-hukum Islam dalam perlombagaan negara atau menjadikannya sebagai asas umum dalam perlombagaan dan perundangan. Oleh itu, timbulnya

penyeruan ke arah maqasid Syariah atau ruh Syariah bagi mencapai maslahah umat (al-Awwa, 2009:13).

## MAKSUD MAQASID SYARI'AH

Maqasid syariat ialah mengetahui makna dan matlamat syariat dalam setiap hukum, ‘Alal al-Fasi mentakrifkan maqasid syariat sebagai memahami matlamat daripada syariat dan rahsia dalam perkara yang telah ditetapkan oleh syarak dalam setiap hukum. Pengetahuan mengenai maqasid syariat merupakan satu keperluan bagi seorang mujtahid ketika mengeluarkan pendapat terutama apabila terdapat perbezaan pandangan (‘Alal al-Fasi, 2011:111, Balqasam al-Ghali, 1996: 120). ‘Alal al-Fasi menyebutkan maqasid syariah sebagai tujuan daripada syariat dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan oleh pembuat syariat pada setiap hukum. Takrif ini merangkumi aspek maqasid umum dan maqasid khusus. Maqasid umum melalui takrif “tujuan daripada syariat” dan maqasid khusus melalui takrif “rahsia-rahsia yang telah ditetapkan oleh Pembuat syariat pada setiap hukum,” (‘Allal al-Fasi, 2011:111, al-Yubi, 1998: 35).

Ibn ‘Ashur mendefinisikan sebagai hikmah dan segala perhatian yang dapat dilihat pada hukum-hukum yang disyariatkam pada keseluruhannya atau sebahagian besar. Wahbah al-Zuhayli menyebutkan sebagai makna dan tujuan yang menjadi perhatian syarak dalam kesemua hukum-hukum atau sebahagiannya atau tujuan daripada syariat dan rahsia yang telah ditetapkan oleh setiap hukum daripada hukum-hukum tersebut. Takrif yang dikemukakan oleh Wahbah al-Zuhaili merangkumi takrif yang dikemukakan oleh ‘Alal al-Fasi dan Ibn Ashur (al-Yubi, 1998: 36, al-Qayati, 2009:73).

Al-Yubi mentakrifkannya sebagai maksud dan hikmah yang yang diinginkan oleh syarak dalam perundangan sama ada secara umum atau khusus untuk mencapai maslahah manusia (al-Yubi, 1998:37). al-Raisuni mendefinisikan maqasid sebagai matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syarak demi kepentingan umat manusia. Beliau membahagikan maqasid kepada tiga kategori berbanding kebanyakan ulama yang hanya membahagikan kepada dua iaitu maqasid umum dan maqasid khusus. Beliau menambahkan *maqasid juz'iyy* (sebahagian atau serpihan).

Maqasid kuliyyat atau maqasid umum iaitu matlamat yang diambilkira oleh syarak dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum syarak seperti keadilan, kesamarataan dan kemudahan dalam syariat. Termasuk dalam kategori ini ialah *Daruriyyat al-Khams* (keperluan menjaga lima perkara-agama, nyawa, akal, harta, keturunan atau maruah), menghilangkan kesulitan dan kemudaratan, dan aspek akhlak seperti menunaikan janji, amanah dan benar.

Maqasid khusus ialah perkara yang diambilkira oleh syariat dalam menentukan sesuatu atau beberapa kategori hukum hukum harta pusaka, hukum kekeluargaan seperti hikmat *khulu'* dan hikmat hak talak kepada lelaki, hukum yang berkaitan dengan kewangan. Termasuk dalam kategori ini hikmat bersolat, zakat dan haji. Ibn Ashur membahagikan bahagian ini kepada maqasid syariah dalam bidang kekeluargaan, maqasid syariah dalam hal kewangan, maqasid syariah dalam muamalat, maqasid syariah dalam bidang pendermaan, maqasid syariah dalam bidang kehakiman dan kesaksian dan maqasid syariah dalam hukuman.

Maqasid *juz'iyy* adalah perkara yang diambilkira oleh syariat dalam menentukan sesuatu hukum tertentu terutama dari segi wajib, sunat, makruh dan haram. Misalnya kesaksian yang bertujuan untuk mensabitkan perkahwinan dan mengelakkan perbalahan, akad nikah yang bertujuan membina institusi kekeluargaan dan hukum talak untuk membendung kemudaratan yang berpanjangan. Kedua-dua maqasid khusus dan *juz'iyy* merupakan aspek yang tidak melibat isu ummah dan berbentuk serpihan dan individu. Golongan fuqaha adalah golongan yang terbanyak memperkatakan perkara ini kerana mereka adalah ahli dalam bidang tersebut. Mereka memperkatakan *maqasid juz'iyyah* ini dalam ijтиhad mereka dengan pelbagai istilah seperti perkataan hikmah, *illat*, rahsia dan *ma'ani*. (al-Raisuni, 1992: 18, al-Raisuni, 2009:28, al-Raisuni, 2010: 10-12, al-Qayati, 2009: 79). Ibn 'Ashur menggunakan istilah *al-Maqasid al-'Aliyyah* dan maqasid ini lebih tinggi kedudukan dari maqasid umum. *Al-maqasid al-'Aliyyah* merangkumi kesemua matlamat syariat atas dasar menjamin dan memelihara maslahah dan menjauhi kemudaratan (al-Raisuni, 1992: 15, al-Raisuni, 2009: 30). Ibn Ashur membahagikan maqasid kepada dua iaitu maqasid umum dan maqasid khusus. Maqasid umum ialah makna dan hikmah dalam setiap pensyariatan dan merupakan matlamat syariat Islam secara umum. Menurutnya, maqasid umum itu ialah memelihara kesejahteraan umat dan membina kekuatannya, mewujudkan kemaslahatan dan

menghindari kemudaratan, membina kesamaan di antara manusia dan menjadikan syariat sesuatu yang mulia dan dipandang tinggi (al-Qayati, 2009:72).

Para fuqaha juga membahagikan maqasid kepada dua mengikut tingkat ketinggian dan keutamaan yang dikenali sebagai *maqasid al-'asliyyah* atau *al-qasd al-awwal* dan *maqasid al-Tab'iyyah* atau *al-Qasd al-Thani*. *Maqasid al-'Asliyyah* dalam perkahwinan seperti membolehkan manusia berkembangbiak, bertolongan antara suami isteri dalam perkara kebaikan di dunia dan akhirat, membolehkan melihat kecantikan wanita dan memelihara dari terjebak dalam perkara yang haram, menambah kesyukuran atas nikmat yang dikurnialan oleh Allah. Kesemua matlamat tersebut dalam perkahwinan dapat diketahui melalui teks al-Quran dan al-Sunnah yang menjelaskan atau melalui penelitian dari dalil-dalil tersebut. Sementara *Maqasid al-Tab'iyyah* adalah menguatkan *Maqasid al-Asliyyah* atau matlamat yang pertama tadi seperti kasih sayang, belas kasihan dan rahmat. Al-Syatibi menerangkan bab ini dengan menghubungkan antara perkara sunat dengan wajib dan hubungan makruh dengan haram. Sebahagian perkara wajib merupakan maksud dan sebahagian pula merupakan wasilah kepada maksud seperti bersih dari hadas dan menutup aurat untuk solat dan azan untuk mengetahui masuknya waktu solat dan menzahirkan syiar Islam (al-Syatibi, 1991, 2:134, al-Qayati, 2009:86).

Pembahagian maqasid dari segi dalil-dalil yang digunakan untuk mengetahui matlamat syariah terbahagi kepada dua iaitu *maqasid al-qat'iyyah* iaitu dalil yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah yang dapat difahami dari maknanya yang jelas seperti tujuan syariat adalah untuk kemudahan (*taysir*) yang diulang dengan jelas dalam al-Quran. *Maqasid al-zaniyyah* ialah dalil yang kurang jelas atau kekuatan dalil yang diragui kedudukannya. Namun al-Syatibi menjelaskan dalil *zanni* ini selalu kembali kepada dalil yang *qat'iyy* seperti setiap perkara mudarat yang boleh membawa kepada kebinasaan yang diambil dari kata-kata nabi SAW: (لا ضرر ولا ضرار) (Tidak mudarat dan tidak mendatangkan kemudaratan). Oleh itu syariat melarang melakukan jenayah terhadap diri, harta, akal dan maruah (al-Syatibi, 1991, 2:37. al-Qayati, 2009: 92).

Dari pelbagai takrif tersebut, maqasid syariat merupakan satu ilmu yang mempelajari matlamat dan rahsia-rahsia syariat dan hukum-hukumnya untuk kepentingan manusia sama ada melalui cara mendatangkan kebaikan atau menggelakkan keburukan di dunia

dan akhirat. Antara orang yang terawal menyeru kepada ilmu maqasid sebagai satu ilmu yang khusus yang terpisah dari ilmu usul fiqh ialah Ibn Ashur dan bagi para mujtahid perlu menguasai ilmu Usul Fiqh dan ilmu Maqasid Syariah kerana maqasid dan usul seperti jasad dan ruh yang tidak boleh dipisahkan. Oleh sebab itu, al-Syatibi membahaskan maqasid dalam buku usul fiqhnya *al-Muwafaqat* (al-Qayati. 2009:76). Penelitian kepada maqasid dalam perundangan, fatwa, kehakiman dan pembelajaran adalah suatu kewajipan. Imam Izzuddin bin Abdul Salam menyatakan kaedah bahawa setiap sesuatu yang terkeluar dari menghasilkan tujuan syariat adalah tidak benar atau batil (Izzuddin Abd Salam, 1991,2:143). Al-Syatibi menyatakan bahawa setiap perkara yang dilakukan apabila bertentangan dengan matlamat syariat maka perkara tersebut adalah batil, tidak diterima dan tidak mendapat ganjaran pahala (al-Awwa, 2009:25).

### ISTILAH MAQASID

Pelbagai istilah yang digunakan oleh ulama terdahulu dalam mengambarkan maqasid seperti kalimah *al-Hikam* (Hikmat) mengambil dari firman Allah:

حِكْمَةٌ بَالْغَةٌ

“(yang demikian ialah) pengajaran dan hikmah yang cukup sempurna.”

(al-Qamar:5)

يُؤْتَ الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوْتَ  
خَيْرًا كَثِيرًا

“Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu Yang berguna) kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan Yang ditentukanNya). dan sesiapa Yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan Yang banyak.”

(al-Baqarah: 269)

*Al-Hikam* (hikmat) adalah istilah yang hampir dengan maqasid yang digunakan oleh ulama terdahulu terutama dalam buku-buku fiqh apabila membicarakan sesuatu hukum seperti bab solat; hukum dan hikmatnya, zakat; hukum dan hikmatnya. Terdapat juga ulama yang mengarang buku mengenai hikmat perundangan (حكمة التشريع) atau hikmah syariat. Mengikut al-Raisuni kalimat *al-hikmah* merupakan kalimah yang banyak dipakai oleh para fuqaha dalam mengambarkan tujuan syariat. Sebahagian ulama yang lain menggunakan istilah ‘illat atau ‘Ilal (العلل) atau *ta’lil* yang menyamai maksud maqasid. ‘Illat mempunyai makna yang pelbagai dan makna maqasid merupakan salah satu daripadanya. Al-Syatibi lebih mirip menggunakan perkataan ‘illat yang bermaksud maqasid. Perkataan makna (المعنى) atau ma’ani juga digunapakai untuk maksud maqasid. Ibn Ashur menggunakan kalimah ini dalam takrif maqasidnya dan ulama lain seperti al-Ghazali, al-Juwaini dan al-Tabari. Para ulama juga menggunakan istilah *al-Asrar* (أُسرار التشريع) atau rahsia perundangan (أُسرار الشرع). *al-Asrar* bermaksud rahsia dan hakikat yang memerlukan kepada pemerhatian dan kajian yang bersungguh-sungguh. Ada ulama yang menggunakan kalimah *al-Ghard* (الغرض) yang bermaksud tujuan. Istilah ini banyak digunakan oleh ulama pada kurun pertama sehingga kurun keempat. (al-Raisuni, 2009:26. al-Yubi, 1998:37, al-Qayati, 2009:83)

Maqasid yang berkaitan maksud umum syariat seperti firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.”

(al-Baqarah:185)

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِّنْ حَرَجٍ وَلِكُنْ يُرِيدُ لِطَهْرِكُمْ  
وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ﴿٦﴾

“Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.”

(al-Ma’idah: 6)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

“dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah”

(al-Hajj: 78)

Maqasid yang berkaitan dengan maksud khusus seperti hikmat solat firman Allah:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar”

(al-Ankabut: 45)

Firman Allah mengenai hikmat Zakat:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزْكِيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ  
صَلَوةَكَ سَكِّنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

“Ambilah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

(al-Tauba;103)

Firman Allah mengenai hikmat puasa;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ  
مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

(al-Baqarah”183)

Firman Allah mengenai hikmat haji:

وَأَدْنِ فِي الْنَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ  
مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ  لَيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ  
فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَكُلُوا مِنْهَا  
وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

*“Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”*

(al-Hajj: 27-28)

Abdul Wahhab Abu Sulayman telah menggariskan maqasid haji. Antaranya ialah memuliakan syiar Allah dan sentiasa mengingati Allah, membelanja harta dari harta yang halal, keamanan pada diri, harta dan maruah, kesatuan ummah, perjumpaan antara ulama dan menghidupkan nilai-nilai ketamadunan Islam (Abdul Wahhab, 2009).

Maqasid ini terbahagi kepada maqasid umum, maqasid khas dan maqasid sebahagian (al-juz'iyyah). Maqasid umum ini bermaksud bahawa syariat bertujuan untuk memelihara keamanan dan keharmonian manusia sejagat. Maqasid khas ialah hikmah-hikmah yang lebih khusus berkenaan bidang-bidang tertentu di dalam syarak seperti hikmah solat, puasa dan haji. Sementara maqasid sebahagian iaitu maqasid yang membicarakan tentang hukum sama ada haram atau wajib dan sunat mahupun makruh. Misalnya, pemberian mas kahwin yang bertujuan untuk mengeratkan perhubungan suami isteri dan syarat wali dan saksi untuk menjauhi sebarang tohmahan dan fitnah setelah perkahwinan dilangsungkan. Begitu juga haram bertunang di atas pertunangan orang lain kerana ia boleh membawa kepada perkelahian dan merampas

hak orang lain. Menurut al-Syatibi bahawa maqasid merupakan ruh bagi setiap amalan dan menurut al-Dahlawi mengetahui *asrar al-Din* (rahsia-rahsia agama) adalah satu keperluan. Begitu juga pendakwah perlu memahami agar ia dapat melakukan dakwah dengan lebih tepat dan yang manakah yang patut didahulukan dalam berdakwah (al-Raisuni, 2010: 11, Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Husain, 2007: 36).

Oleh itu, maqasid bermaksud tujuan, kehendak atau matlamat. Dari segi syarak ia bermaksud tujuan, natijah atau maksud yang dikehendaki oleh syarak melalui sumber dalilnya iaitu al-Quran atau sunnah. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai mewujudkan kebaikan, menghindari keburukan dan menghilangkan kemudaratan. Al-Raisuni mentakrifkan maqasid sebagai tujuan yang diletakkan oleh syarak untuk mencapai maslahah umat. Oleh itu, maqasid ialah tujuan dan makna yang telah digariskan oleh syarak dalam setiap perundangan sama ada secara umum atau khusus bagi memelihara kepentingan manusia (al-Qaradawi, 2006:16. al-Raisuni, 1992:25, al-Raisuni, 2010:7, Ibn ‘Ashur, 2009:55).

Salah satu perkara yang penting dalam memahami maqasid syariah ialah kaedah yang dinyatakan oleh Imam al-Syatibi iaitu “Dasar ibadat manusia adalah menyembah tanpa melihat kepada makna dan dasar dalam adat dan muamalat adalah melihat kepada makna”. Dasar daripada ibadat adalah menyembah, semata-mata beribadat kepada Allah walaupun tidak sejalan dengan logik akal seperti kewajipan mandi wajib selepas melakukan jimak. Kenapa seluruh badan diwajibkan mandi dan dicucikan bukan kemaluan sahaja. Faktor yang mewajibkan solat dan puasa adalah sama tetapi ada perbezaan pengaruh terhadap keduanya. Orang yang haid dan nifas menggugurkan solat dan tidak wajib diganti tetapi tidak menggugurkan puasa yang wajib diganti. Sementara dasar dalam muamalat adalah melihat kepada makna, maksud, hikmat dan rahsia. Perkara ini dapat diketahui melalui penelitian (*al-istiqrā’*) dan syariat memperjelaskan tentang hikmah ketika mensyariatkan perkara tersebut. Hikmah itu dijelaskan dengan hal-hal yang sesuai dengan akal dan fitrah manusia yang dapat menerima dengan mudah (al-Syatibi, 1991: 228-232, al-Qaradawi, 1996: 199, Mohd Rumaizuddin, 2012:76).

Para sahabat sentiasa mengeluarkan ijtihad dengan mengambil kira maslahah dan maqasid. Imam al-Syatibi dalam *al-I’tisam* dan *al-Muwafaqat* menyebutkan beberapa amalan sahabat yang berdasarkan

kepada *al-Masalih al-Mursalah* dan ia menjadi asas kepada pembinaan hukum selepas itu. *Al-Masalih al-Mursalah* tidak lain adalah merupakan maqasid syariah. Perkara ini termasuk seperti pengumpulan al-Quran dan menyatukan umat Islam dalam mashaf yang satu (al-Syatibi, 1991, 2:280, al-Raisuni, 2009: 52).

Antara maqasid syariah iaitu keadilan, persamaan, memudahkan dan meringankan, mendatangkan kebaikan dan menjauhi kemudaratian, kesatuan dan kesepakatan. Ibn Ashur menyebutkan antara tujuan syariat yang terpenting ialah menjaga sistem kehidupan manusia dan memperbaikinya ke arah kebaikan yang meliputi aspek pemikiran, pekerjaan dan hubungan sesama manusia dalam mewujudkan kehidupan yang sempurna (Ibn Ashur, 2009:168). Begitu juga Islam mengharamkan pelbagai jenis arak yang diperbuat selain daripada anggur bertujuan menjaga akal. Pengharaman dadah kerana ia juga menghilangkan akal dan juga satu pembaziran harta. Larangan kepada hakim berhukum ketika lapar diqiasaskan kepada ketika marah kerana kedua-dua akan menghilangkan tumpuan hakim.

Antara faedah mempelajari ilmu maqasid syariah ini ialah:

- i. Mengetahui sebab atau alasan (*ta'lil*) dan hikmat sesuatu perkara yang telah disyariatkan.
- ii. Memantapkan para fuqaha untuk mengeluarkan hukum dan menambahkan kefahaman dalam menetapkan sesuatu hukum, keputusan dan pelaksanaanya.
- iii. Menambahkan pengetahuan penyelidik berkaitan hubungan maqasid dengan kaedah-kaedah usul yang lain seperti hubungan maqasid dengan maslahah, qias dan lain-lain.
- iv. Mengurangkan perbezaan pendapat fiqh dan taksub mazhab. Ini kerana ilmu maqasid berteraskan kepada ilmiah, menyelaraskan antara hukum-hukum yang berbeza dan menghindari pertentangan antara hukum-hukum tersebut.
- v. Menolong seorang muslim untuk melakukan ketaatan kepada Allah dengan sempurna. Misalnya dalam mengerjakan haji yang bertujuan untuk mendidik manusia dengan akhlak yang mulia maka ia akan berusaha untuk mencapai tujuan tersebut.
- vi. Menolong para pendakwah dan orang yang berkhidmat untuk Islam menunaikan tugas mereka bertepatan dengan syariat Islam dan konsep amar makruf dan mencegah kemungkar. Ia bukan

berdasarkan kepada kefahaman literal dan maksud zahir sahaja (al-Khadimi, 1421H:51).

Muhammad al-Zuhaili menyebutkan faedah dalam memahami maqasid syariah iaitu:

- i. Ia dapat memahami syariat secara umum dan gambaran Islam yang sempurna dari segi hukum-hakam. Ia dapat mengetahui perkara yang termasuk dalam syariat dan perkara yang bukan dalam perkara syariat, perkara yang dapat mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat dan perkara yang membawa kerosakan kepada manusia.
- ii. Mengetahui maqasid syariah dapat menjelaskan objektif mulia yang dibawa oleh syariat dalam setiap hukum-hukumnya. Ia juga menjelaskan matlamat yang dikemukakan oleh para rasul dan al-Quran. Perkara ini akan menambahkan keimanan, kecintaan kepada syariat, keteguhan kepada agama Islam terutama apabila membandingkan dengan sistem yang lain.
- iii. Mempelajari maqasid syariah membantu pengajian perbandingan fiqh dengan pendapat yang paling sesuai untuk memenuhi objektif syariah, mewujudkan kebaikan dan menghindari kerosakan seperti peliharaan kepada fakir miskin dalam pembahagian zakat, peliharaan kanak-kanak, anak yatim dan wakaf dalam bidang muamalat. Begitu juga maqasid syariah dapat membantu mengambil pendapat yang sesuai jika terdapat pertentangan dalil umum dan khusus dan memerlukan kesesuaian kedua-duanya.
- iv. Penjelasan maqasid syariah mampu untuk menyerlahkan lagi objektif dakwah yang bertujuan mewujudkan kebaikan untuk manusia dan menghindari kerosakan serta mencapai keredaan Allah.
- v. Maqasid syariah dapat menyinari jalan dalam mengetahui hukum-hukum syariah dari dalil-dalil yang primier atau sekunder, membantu para fuqaha memahami teks syariah dan menafsirkannya dengan tepat realiti pelaksanaannya. Ia juga membantu untuk mencari makna yang tepat maksudnya kerana perkataan Arab mempunyai pelbagai ibarat dan makna.
- vi. Apabila ketiadaan dalil dalam sesuatu perkara yang baru, para fuqaha perlu merujuk kepada maqasid syariah dalam mengeluarkan hukum berdasarkan ijihad, qias, *istihsan*, *sadd al-*

*zara'i, al-istislah* dan '*uruf* dengan menepati nilai-nilai agama dan maqasid syariah (Muhammad al-Zuhaili, 2002:74).

Ibn Taimiyyah antara fuqaha yang mengeluarkan fatwa dengan melihat kepada maqasid Syariah seperti hukum tidak jatuh talak bagi orang yang sedang mabuk dan lafaz talak tiga yang dianggap sebagai jatuh talak satu sebagai memenuhi maqasid syariah dalam memelihara keturunan. Menurutnya, sebahagian para fuqaha melebarkan aspek penceraian seperti talak orang yang mabuk dan menyempitkan urusan perkahwinan sedangkan Islam agama bertoleransi. Begitu juga pengharaman jenis dadah dan Syisa kerana boleh merosakkan akal (Abdul Rahman al-Qaradawi, 200:276).

## SEJARAH PERKEMBANGAN MAQASID SYARIAH

Sejarah pertumbuhan maqasid ini lahir dengan penurunan wahyu, tetapi pada peringkat tersebut, ia bukanlah sesuatu ilmu yang ditulis secara lengkap. Begitu juga pada zaman khulafa' al-Rasyidin. Perkembangannya semakin rancak pada zaman pertumbuhan ilmu fiqh dan usul (al-Khadimi, 1421H:53). Sebagai contoh pada zaman khulafa' seperti pembukuan al-Quran, solat terawih dan tidak dikenakan hukum hudud pada masa kebuluran. Begitu juga para imam mazhab yang berijtihad berdasarkan maqasid syariat.

Al-Raisuni menegaskan bahawa para sahabat amat prihatin terhadap maqasid dan para sahabat apabila mengeluarkan pendapat dan ijtihad adalah berdasarkan kepada maqasid. Al-Syatibi yang mengarang ilmu maqasid secara lengkap pada kurun ke-lapan juga menerangkan dengan jelas bahawa maqasid yang dikarangnya itu adalah tidak terkeluar dari pandangan dan pendapat para sahabat. Beliau menyifatkan para sahabat adalah golongan yang paling mengerti mengenai maqasid syariah dan mereka yang mengasaskannya (al-Raisuni, 2009:47).

Pada kurun keempat, Hakim al-Turmidi (m.320H) menulis buku *al-Solat wa maqasidha* (الصلوة ومقاصدھا) yang membicarakan secara lengkap mengenai tujuan, faedah dan rahsia solat. Beliau antara orang yang terawal menggunakan kalimah maqasid dalam penulisan buku. Ibn Babwiyyah al-Qumi (m. 381H), seorang ulama Syiah Imamiah yang dikenali sebagai Syeikh al-Suduq yang mengarang 300 buah buku. Antara buku yang dikarang dalam bab ini '*Ilal al-syara'i*'

(علل الشرائع). Abu Bakar al-Syasyi (m.365H) seorang ulama daripada Mazhab al-syafi'i mengarang buku yang berjudul *Mahasin al-Syari'at* (محاسن الشريعة). Buku ini merupakan membicarakan mengenai tujuan ibadat daripada bab taharah, solat sehingga bab muamalat dan jenayah (al-Raisuni, 2009: 60-63).

Antara ulama yang masyhur dalam ilmu maqasid ini seperti al-Juwaini (m.478H), 'Izzuddin bin Salam (m.660H), al-Syatibi (m. 790H) dan Muhamad Tahir bin Ashur (m. 1393H/1973). Imam al-Haramain al-Juwaini telah menggunakan kalimah maqasid dalam bukunya *al-Burhan*, namun pemakaian maksudnya hanya berkisar kepada pembahagian *daruriyyat*, *hajiyat* dan *tahsinat*. Dalam buku tersebut, beliau menyebut mengenai maqasid ibadat, maqasid al-qisas, maqasid hudud, maqasid jual-beli. Malah menurut al-Juwaini bahawa tanda kealiman seseorang ulama dalam agama ialah mengetahui mengenai maqasid. Abu Hamid al-Ghazali (m. 505H) pula melihat maqasid iaitu dengan menjadikan maslahah untuk memelihara tujuan dan maksud syarak. Beliau mengarang mengenai bab ini dalam buku *Syifa' al-Ghalil* dan *al-Mustasfa* dan dalam buku *al-Mustasfa* lebih mendalam kerana buku tersebut adalah buku terakhir yang dikarang dalam bidang usul. Beliau menjelaskan bahawa jalan untuk memahami maqasid dengan memahami perkara yang terkandung dalam al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak dan meletakkan kaedah menjaga kepentingan asas lima perkara (*Usul al-Khamsah*) (al-Yubi, 1998:50, al-Raisuni, 2009: 71))

Abdul Rahman al-Qaradawi menyebutkan bahawa Imam al-Ghazali antara orang yang pertama meletakkan asas teori perbincangan maqasid bermula dengan tiga peringkat perkembangan. Peringkat pertama dalam kitab *Syifa al-Ghalil*, peringkat kedua kupasan dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* terutama dalam perkara dosa-dosa besar (*al-Kaba'ir*) bab taubat dan peringkat ketiga dalam kitab *al-Mustasfa* (Abdul Rahman al-Qaradawi, 2000: 62). Teori perbincangan maqasid al-Ghazali ini dengan huraian kepada *al-Kulliyat al-Khams* dan pembahagian kepada *daruriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat* menjadi perbincangan para ulama selepasnya dengan sebahagian ulama menakalkan tanpa ada penambahan dan sebahagiannya pula menambahkan penjelasan teori tersebut (Abdul Rahman al-Qaradawi, 2000: 72). Namun bagi Yusuf al-Qaradawi, maqasid tidak hanya terhad kepada aspek tersebut sahaja tetapi melangkaui maksud yang lebih luas

seperti membangunkan manusia soleh, keluarga soleh, masyarakat soleh, umat soleh dan mengajak kepada kemanusiaan. Ia juga perlu merangkumi dengan nilai-nilai sosial, kebebasan, persaudaraan, solidariti dan hak-hak asasi manusia. Orientasi para fuqaha dahulu diarahkan untuk kemaslahatan individu seseorang sama ada dari segi agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Orientasi tersebut tidak diarah kepada masyarakat, umat, negara dan hubungan kemanusiaan.

‘Izzuddin bin Abdul Salam mengarang buku *Qawa’id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* dan *Syajarah al-Ma’arif wa al-Ahwal wa salih al-Aqwal wa al-‘Amal* (al-Raisuni, 2009: 74). Antara ulama yang mempunyai sumbangan besar dalam bidang ini ialah al-Syatibi (m. 790) yang tinggal di Andalus walaupun ia sezaman dengan Ibn Taimiyah (m. 728) dan Ibn Qayyim (m. 751H) yang tinggal di Damsyik. Namun ketiga-tiga tokoh tersebut tidak pernah bertemu. Kedua-dua buku al-Syatibi iaitu *al-Muwafaqat* dan *al-‘Itisam*. Al-Syatibi mempunyai manhajnya dalam membicara perkara ini dengan menggabungkan ilmu Usul fiqh dalam kerangka maqasid syariah.

Al-Syatibi mengarang satubab khusus yang membicarakan maqasid dalam buku *al-Muwafaqat* secara mendalam (al-Raisuni, 2009:78). Setelah itu, kekosongan berlaku sehingga Ibn Ashur menulis buku *Maqasid al-Syari’at al-Islamiah* yang melihat kepentingan maqasid pada zaman ini dan diikuti oleh ‘Alal al-Fasi. (al-Yubi, 1998:68). Al-Syatibi mengarang buku tersebut pada akhir kurun kelapan dan pada masa itu umat Islam memasuki fasa kemunduran. Namun tempat al-Syatibi tinggal iaitu Andalus merupakan era ketamadunan. Apabila meninggalnya al-Syatibi maka matinya bukunya itu sehingga ia diterbitkan di Tunisia pada tahun 1302H/1884M. Perkara ini merupakan kelahiran kedua al-Syatibi dan bukunya dan permulaan bagi pemikiran dan ilmu Maqasid pada zaman moden ini. Muhamad Abdurrahman yang melawat Tunisia pada waktu itu juga mengalakkan agar kitab al-Syatibi dipelajari. Di samping anak murid Abdurrahman iaitu Abdullah Darraz menerbitkan *al-Muwafaqat* dan Rashid Rida menerbitkan *al-‘Itisam* di Mesir. Ibn Ashur yang hidup pada zaman perkembangan ini belajar dan mengajar ilmu maqasid. Pertumbuhan ilmu ini dengan lahirnya buku *Hujjatul Allah al-Balighah* karangan Waliyullah al-Dahlawi dan buku yang berkaitan hikmat dan rahsia perundungan Islam yang dikarang oleh ulama al-Azhar (al-Raisuni, 2009:89-91). Antara keistimewaan buku Ibn ‘Ashur ini ialah beliau membicarakan perbandingan peranan ilmu Usul fiqh dengan ilmu maqasid syariah. Beliau menghuraikan

persamaan dan perbezaan antara kedua-dua ilmu tersebut (al-Raisuni, 2009: 94).

Berikut adalah buku-buku tersebut:

- i. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam-* 'Izzuddin bin Abdul Salam
- ii. *Al-Mawafaqat fi Usul al-Syari'at-Al-Syatibi*
- iii. *Maqasid al-Syari'at al-Islamiah-* Muhamad Tahir bin Ashur.
- iv. *Maqasid al-Syari'ah wa makarimuha-* 'Alal Fasi
- v. *Dawabit al-Maslalah fi Syari'at al-Islam-* Muhamad Ramadan al-Buti
- vi. *Nazariat al-Maqasid Inda al-Syatibi* – Ahmad al-Raisuni
- vii. *Al-Syatibi wa Maqasid al-Syari'ah* – Hamadi al-Ubaidi
- viii. *Al-Ijtihad al-Maqasidi* – Nuruddin Mukhtar al-Khadimi
- ix. *Maqasid al-'Ammah li Syari'at al-Islamiah* – Yusuf Hamid al-Alim (al-Khadimi, 1421H:65).

*Maqasid al-Syari'ah* ini merupakan ruh kepada setiap amalan. Fiqah tanpa maqasid merupakan fiqh yang tidak ada ruh manakala pendakwah yang tidak mempunyai maqasid maka mereka merupakan golongan yang tidak mempunyai ruh pendakwah yang sebenar. Oleh itu, memahami *Maqasid al-Syari'ah* amat penting bagi seorang ahli fiqh, pendakwah malah setiap orang Islam. Ibn Ashur menyebutkan antara sebab utama kemunduran fiqh adalah disebabkan kelalaian memahami dan mempelajari *maqasid al-Syari'ah*(al-Raisuni, 2010:14).

Dalam memahami maqasid perlulah menggabungkan antara naqal dan akal, antara teks dan ijtihad dan tidak ada maqasid kecuali dengan dalil seperti ungkapan al-Raisuni: “**لَا تَقْصِيدٌ إِلَّا بِدَلِيلٍ**” dengan maksud menisahkan hikmah dan maksud kepada Allah kerana syariat adalah syariat Allah dan menisahkan hikmat syariat tanpa dalil merupakan satu kepalsuan (Awdah, 2008:17).

Menurut Ibn Taimiyyah, maqasid syariah terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

- i. Maqasid syariat yang paling agung iaitu memelihara agama yang merupakan objektif utama diutuskan para rasul. Termasuk dalam kategori ini ialah membetulkan akidah dan mengaitkan sistem pentadbiran negara dengan maksud memelihara agama. Oleh sebab itu, memperbetulkan akidah bagi bertujuan menjaga agama merupakan maqasid syariah yang paling utama.

- ii. Maqasid Asas bagi syariat Islam iaitu mencapai keadilan, memelihara nyawa, keturunan, akal, dan harta. Keadilan merupakan pengantara antara maqasid paling agung dengan maqasid asas. Perkara ini berdasarkan firman Allah:

قُلْ أَمْرِ رَبِّيْ بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ  
مُحْلِصِينَ لِهِ الدِّينَ

“Katakanlah: “Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara), dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan Beribadatlah dengan mengikhlasan amal ugama kamu kepadanya semata-mata.”

(al-A'raaf, 29)

Menurut Ibn Taimiyyah, Allah menyuruh agar kita beribadat dengan tauhid yang betul iaitu beribadat dengan tidak mensyirikkan-Nya. Tauhid merupakan asas pemberian dan keadilan. Setiap perkara baik asasnya adalah keadilan dan setiap kemungkaran merupakan kezaliman. Oleh itu, menegakkan keadilan merupakan asas penting dalam mencapai maqasid syariah selepas menjaga agama (Abdul Rahman al-Qaradawi, 2000: 275).

- iii. Maqasid Cabangan - maqasid yang mempunyai keterikatan dengan maqasid yang lima dan maqasid keadilan seterus berkaitan dengan maqasid yang paling agung iaitu menjaga agama seperti kesempurnaan fitrah manusia (Abdul Rahman al-Qaradawi, 2000:300)

Pendakwah juga memerlukan kefahaman maqasid ini berdasarkan firman Allah:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَّا وَمَنِ اتَّبعَنِي وَسُبْحَانَ  
اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشَرِّكِينَ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Inilah jalanku, Aku dan orang-orang Yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti Yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari Segala

*iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan Yang mempersekutukan Allah Dengan sesuatu Yang lain.”*

(Yusuf, 12:108)

Sebaik-baik bagi pendakwah ialah dia memahami realiti dakwah berdasarkan keterangan dan bukti yang nyata (*al-Basirah*). Ia perlu memahami *maqasid al-Syari‘ah*, keutamaan yang perlu didahulukan dan sikap toleransi ketika berdakwah. Kesemua itu tidak dapat dijalankan dengan sebaik mungkin kecuali dia memahami *maqasid al-Syari‘ah*. Malah pada zaman moden ini, masyarakat memerlukan kita menerangkan ajaran Islam beserta dengan *maqasid al-Syari‘ah* tersebut bagi mengambarkan keindahan Islam (al-Raisuni, 2010: 19). Malah para ulama menyatakan adalah perlu seseorang faqih mengetahui maqasid seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dan Imam Badaruddin al-Zarkasyi bahawa seorang faqih perlu mempunyai dua kepakaran iaitu memahami al-Quran dan al-Sunnah serta boleh mengutarakan hikmah dari kedua-duanya (Abdul Wahhab, 2009:24).

## PEMBAHAGIAN MAQASID MENGIKUT MASLAHAH

Pembahagian Maqasid Syariah mengikut maslahah terbahagi kepada tiga iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. *Daruriyyat* ialah sesuatu perkara yang sangat diperlukan sehingga sampai ke tahap terdesak dalam kehidupan manusia dan kejayaan di akhirat. Jika perkara ini hilang maka akan berlaku kepincangan dalam kehidupan manusia dan mereka akan berada dalam keadaan bahaya dan kehancuran. Maslahah *daruriyyat* ini terangkum dalam lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, harta dan maruah.

*Hajiyyat* ialah perkara yang diperlukan oleh manusia bagi menjamin kehidupan dengan mudah dan mengelakkan kesukaran. Jika *hajiyyat* tidak dipelihara, seseorang hamba akan menghadapi kesukaran dan kesulitan tetapi tidaklah sampai ke tahap yang menyebabkan kerosakan yang teruk dalam sistem kehidupan seperti *daruriyyat*. Oleh itu, terdapat hukum-hukum yang berkaitan dengan maslahah *hajiyyat* yang mengangkat kesukaran dan kesulitan pada manusia seperti ruksah dalam ibadat. *Hajiyyat* dalam bidang ibadat seperti rukhsah mengharuskan berbuka puasa pada bulan Ramadan bagi orang sakit dan bermusafir dan mengharuskan qasar bagi orang bermusafir.

*Hajiyat* dalam perkara adat ialah mengharuskan menikmati perkara yang baik dalam makan, minum, pakaian dan lain-lain (Muhammad al-Zuhaili, 2002: 79, Ismail Sa'adat, 2011:136).

*Tahsiniyyat* ialah mengamalkan perkara yang patut daripada adab-adab yang baik dan menghindari perkara yang mencemarkan yang ditolak oleh akal yang rasional. Perkara ini terkandung dalam akhlak yang mulia. Ia juga merupakan perkara yang berkaitan dengan maruah, adab dan perasaan kejiwaan untuk memudahkan kehidupan manusia dalam bentuk yang paling sempurna dan pelengkap kepada daruriyyat dan *hajiyat*. *Hajiyat* dalam perkara ibadat seperti menghilangkan najis dan menjaga kebersihan badan dan pakaian, menutup aurat, memakai perhiasaan dan perkara yang baik ketika pergi ke masjid, melakukan perkara-perkara sunat solat dan berpuasa serta menegah orang kafir dari menimun arak di tempat terbuka. *Hajiyat* dalam perkara adat seperti beradab ketika makan, minum dan pakaian, adab berziarah, adab tidur dan lain-lain dari sifat akhlak yang terpuji. *Hajiyat* dalam muamalat seperti pengharaman penipuan dalam perniagaan dan menghindari pembaziran sementara dalam bidang pembalasan seperti mengharamkan membunuh wanita, kanak-kanak dan orang tua dalam peperangan dan menegah menyeksa dan menyiat mayat dalam peperangan (Muhammad al-Zuhaili, 2002:82, Ismail Sa'adat, 2011:141).

## PERUBAHAN PADA ISTILAH MAQASID

Bagi fuqaha tradisi dan semasa terdapat perbezaan dalam menggunakan istilah yang berkaitan maqasid seperti mentafsirkan memelihara akal dengan kewajipan menuntut ilmu yang diperlukan oleh umat untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat, membentuk pemikiran ilmiah yang menambahkan keyakinan dan menolak taklid serta hawa nafsu. Termasuk dalam perkara ini ialah dialog, keterbukaan dalam perbincangan dan perbezaan pendapat (Awdah, 2007:41)

Imam al-Juwaini dalam *al-Burhan* menggunakan istilah "memelihara kemaluan"

(حَصْمَةُ الْفَرْوَحِ) dan al-Ghazali dalam *al-Mustasfa* menggunakan istilah memelihara keturunan (حَفْظُ النَّسْلِ) seperti juga digunakan oleh al-Syatibi. Sementara Ibn Ashur dalam membincangkan aspek kemasyarakatan menurut objektif syariah dengan pembinaan keluarga

yang soleh yang meliputi skop yang lebih luas yang hak individu dan masyarakat serta hak kanak-kanak. Oleh itu, istilah yang digunakan oleh Ibn Ashur adalah lebih tepat dalam menggambarkan kesyumulan Islam dari istilah taklidi yang digunakan oleh fuqaha terdahulu (Awdah, 2007: 42). Memelihara harta dalam fuqaha meliputi aspek mencuri dan rompakan. Namun pada masa kini kefahaman memelihara harta meliputi aset yang berkaitan dengan ekonomi. Dalam perbahasan ulama semasa, teori memelihara harta merupakan asas dalam pembinaan ekonomi Islam. Para ulama semasa menggunakan istilah “memelihara karamah manusia” (حفظ الكرامة البشرية) dan “hak-hak asasi manusia” bagi mengantikan istilah memelihara jiwa dan maruah. Perubahan kefahaman istilah juga berlaku dalam memelihara agama dalam fuqaha terdahulu berkisar tentang hukuman murtad. Namun kini perbahasan memelihara agama meliputi kesemua agama dan melindungi kebebasan beragama sama ada orang Islam atau bukan Islam dan Ibn Ashur menggunakan istilah kebebasan beriktikad حرية (الاعتقادات) (Awdah, 2007:43). Beliau menegaskan bahawa objektif utama syariah ialah memelihara sistem kehidupan manusia حفظ نظام الأمة yang meraikan fitrah, toleransi, kebebasan dan keadilan.

## KEPENTINGAN FATWA BERDASARKAN *MAQASID AL-SYARIAH*

Aliran Zahiriyyah yang memegang kepada teks-teks semata-mata dan melupakan maksud-maksud syariat yang global (*maqasid*) iaitu berlebihan dalam mengambil zahir *nas* (literal teks) hingga membawa mereka kepada kefahaman yang salah dan aneh. Salah satu bentuk kefahaman literal Ibn Hazm adalah pendapatnya tentang hadis permintaan izin wanita untuk dikahwinkan, “anak perempuan diminta izin dan izinnya adalah diam.” (HR al-Bukhari). Kebanyakan ulama memahami bahawa anak perempuan yang diam ketika diminta izin menunjukkan beliau telah reda dan bersetuju. Diam tersebut sama dengan persetujuannya kerana biasanya dia malu. Namun, jika dia berkata ‘saya setuju’ perkataan tersebut adalah penguat dan menunjukkan keredaannya yang kuat. Namun bagi Ibn Hazm jika anak perempuan tersebut berkata bahawa dia bersetuju dan reda, maka pernikahan tidak boleh dilakukan kerana ia menyalahi hadis Nabi. Antara contoh penghasilan fiqah mereka seperti menggugurkan harga wang kertas.

Mereka berpendapat wang kertas yang digunakan pada hari ini bukanlah wang yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunah. Oleh itu, wang tersebut tidak perlu dikeluarkan zakat dan tidak berlaku riba padanya kerana wang yang ada dalam agama adalah emas dan perak sahaja (al-Qaradawi, 2006: 67). Mereka juga berpendapat zakat fitrah harus dikeluarkan daripada makanan asasi sahaja. Mereka menolak dengan keras untuk mengeluarkan zakat dengan nilai wang dari bahan makanan asasi tersebut. Mereka berpendapat zakat wajib dikeluarkan dengan makanan asasi seperti gandum, beras, jagung dan kurma. Mereka juga berpendapat bahawa sesiapa yang mengeluarkan zakat fitrah dengan wang adalah batil sedangkan perkara ini menjadi perselisihan di kalangan ulama (al-Qaradawi, 2006: 73).

Oleh demikian, kepentingan *maqasid* amat penting bagi seseorang mufti mengeluarkan fatwa dengan menggabungkan teks-teks yang *qat'iy* dan maksud-maksud yang global (*maqasid*). Ia tidak berlebihan dalam memahami teks-teks secara literal dan tidak pula berlebihan dalam menolak teks atas alasan *maslahah*. Aliran ini mempercayai bahawa setiap hukum-hukum syariat itu ada hikmatnya dan hikmat itu adalah untuk manfaat manusia (al-Qaradawi, 2006: 137). Antara contoh-contoh fatwa yang dikeluarkan oleh ulama aliran ini iaitu fatwa Syeikh al-Sa'idi mengenai membedah perut perempuan mati untuk mengeluarkan bayi hidup. Menurutnya, perkara ini dibolehkan jika dipandang ada kemaslahatan yang lebih besar dan tidak ada kerosakan. Hal ini kerana ada yang berpendapat bahawa jika ada wanita meninggal dunia sedangkan dalam perutnya ada janin yang hidup, maka haram hukumnya untuk membela perutnya. Pendapat ahli fiqah tersebut berdasarkan pendapat bahawa hal tersebut termasuk dalam perkara merosakkan mayat. Memang benar bahawa merosakkan mayat pada dasarnya adalah haram kecuali jika ada kemaslahatan yang lebih besar. Dalam hal ini, jelas bahawa ada kemaslahatan bagi bayi. Jika perut wanita tersebut tidak dibedah akan menyebabkan kematian bayi. Sedangkan orang yang hidup harus diberi perhatian dan diperhatikan daripada orang mati. Namun pada zaman ini, operasi pembedahan perut bukanlah dianggap hal yang boleh merosakkan (Yusuf al-Qaradawi, 2006: 227). Begitu juga, fatwa Syeikh al-Sa'idi mengenai pemindahan organ tubuh badan manusia. Fatwa ini membolehkan pemindahan organ. Menurutnya, pendapat bahawa organ manusia haram untuk diambil dan dibedah adalah pada ketika melakukan hal tersebut akan menyebabkan bahaya kemudarat dan kematian. Namun pada zaman

ini, dua hal tersebut telah hilang. Di mana kemudaratan dan perasaan penodaan terhadap kemuliaan dan kehormatan manusia telah tidak ada lagi. Manusia telah reda dan tidak menyebabkan kemudaratan kepadanya. Syariat menyuruh untuk meghormati manusia demi memuliakan kehormatannya. Namun, keadaan sekarang telah berbeza dengan keadaan yang lalu. Oleh itu, beliau membolehkan hal tersebut jika itu dilakukan oleh doktor yang benar-benar mahir dan pembedahan itu memberi manfaat dan tidak ada kemudaratan (Yusuf al-Qaradawi, 2006:229).

Pada pandangan mazhab Abu Hanifah bahawa setiap apa saja yang terhasil daripada bumi adalah diwajibkan zakat ke atas perkara itu apabila mencukupi syarat. Oleh itu, ia tidak terkhusus kepada jenis-jenis tertentu sebagaimana yang digariskan oleh mazhab-mazhab yang lain. Pendapat ini lebih dekat dengan keadilan Islam dan bersesuaian dengan hadis nabi yang menyebutkan sesuatu yang mendapat siraman dengan air hujan dikenakan zakat sepersepuluh. Hadis ini tidak membezakan antara tanaman yang boleh dimakan atau tidak. Oleh itu selayaknya semua hasil bumi dikenakan zakat jika cukup syarat-syaratnya (Yusuf al-Qaradawi, t.t.: 58-60). Oleh itu, al-Qaradawi meluaskan skop dalam kewajipan berzakat. Perkara ini termasuk semua harta yang berkembang mempunyai tanggungjawab wajib zakat walaupun hal ini tidak ada nas yang tetap dari Rasulullah SAW tetapi masalah ini dapat diambil dari keumuman akan kewajipan zakat yang ada dalam al-Quran dan al-Hadis. Sebahagian ahli fiqah membatasi kewajipan zakat hanya kepada apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW seperti zakat unta, kambing, gandu, kurma, emas dan perak. Sebahagian ahli fiqah meluaskan kewajipan zakat tersebut sehingga mencakupi semua harta yang dianggap berkembang pada zamannya. Antara ulama yang paling menonjol dalam hal ini ialah Imam Abu Hanifah (Yusuf al-Qaradawi, t.t.: 59).

Menurut al-Qaradawi, adalah tidak logik hanya mewajibkan zakat ke atas penanam padi secara kecil-kecilan lebih-lebih lagi ada antara mereka yang menyewa tanah dan hanya mengambil upah sahaja. Sedangkan bagi mereka yang mempunyai ladang yang luas beratus-ratus ekar tidak dikenakan zakat semata-mata kerana tanaman mereka bukan dari jenis yang sama (Yusuf al-Qaradawi, t.t.:60). Oleh itu, jika ingin melaksanakan keadilan dalam Islam, maka perlu melihat kepada semua mazhab. Contohnya di Mesir, kapas merupakan tanaman yang amat berharga dan hasil tanamannya ini amat besar sekali sehingga

berpuluhan-puluhan ribu pendapatannya. Layakkah dikatakan ia tidak perlu dikeluarkan zakat? Sementara petani gandum dan jagung pula diwajibkan zakat apabila cukup nisabnya sedangkan pendapatan mereka tidak semewah petani kapas tadi (Yusuf al-Qaradawi, t.t.:60). Apakah patut membiarkan peladang-peladang kapas yang pendapatan mereka berjuta dolar setahun terlepas dari menunaikan zakat? Ini tidak sepatutnya berlaku. Oleh itu apabila ingin melaksanakan sistem zakat secara lebih berkesan maka perlu melihat kepada pelbagai mazhab dan *maqasid*. Adalah perlu ditumpukan perhatian kepada sumber zakat yang merupakan tonggak sistem zakat. Umat Islam perlu mencari jalan keadilan dan zakat hendaklah diwajibkan ke atas semua harta yang berkembang (Yusuf al-Qaradawi,t.t.:60). Hal ini juga berlaku di Malaysia di mana zakat hanya diwajibkan kepada tanaman padi sahaja dan tidak diwajibkan kepada pengusaha tanaman teh, kelapa, mangga dan buah-buahan yang mempunyai ratusan hektar. Perkara ini disebabkan mazhab yang menjadi pegangan di Malaysia ialah mazhab Syafi'i yang hanya menwajibkan zakat pada makanan asasi sahaja (Yusuf al-Qaradawi, 2001d: 64). Menurut al-Qaradawi para ulama membolehkan seseorang untuk bertaklid mengikuti dan berpegang teguh pada satu mazhab saja. Namun diperbolehkan juga bagi seorang yang taklid berpegang teguh untuk berbeza pendapat dalam beberapa masalah yang telah ditetapkan oleh imamnya dengan mengambil pendapat imam yang lain apabila ia yakin bahawa pendapat yang diambilnya dari imam yang lainnya lebih kuat dari pendapat yang ada pada imam yang diikutinya. Demikian pula apabila seseorang lebih merasa tenang dalam mengikuti pendapat imam lainnya, selama ia tidak berniat untuk bermain-main. Dalam hal meluaskan kewajipan berzakat ini, al-Qaradawi menyarankan agar tidak berpegang kepada satu mazhab sahaja tetapi juga mengambil pandangan daripada mazhab dan para imam yang lain yang lebih kuat dalil dan hujah serta menepati *maqasid syariat* (kehendak dan keadilan Islam) (Yusuf al-Qaradawi, 2001: 65)

## KESIMPULAN

Kefahaman maqasid memberi faedah yang besar dalam memahami objektif hukum-hukum yang telah disyariatkan terutama dalam berijtihad dan berfatwa. Objektif utama syariat Islam adalah memelihara

sistem kehidupan manusia dan karamah insani yang berteraskan manhaj ilahi. Para fuqaha dan pendakwah perlu memahami maqasid syariah kerana ia merupakan ruh kepada setiap amalan. Fiqah tanpa maqasid merupakan fiqh yang tidak ada ruh dan pendakwah yang tidak mempunyai maqasid maka mereka merupakan golongan yang tidak mempunyai ruh pendakwah yang sebenar.

Kefahaman maqasid menjadikan seorang muslim dapat melakukan amal kebaikan dengan sempurna, tepat dan berlapang dada seperti mengetahui hikmah berzakat dan berpuasa. Begitu juga sesiapa yang tidak mengetahui objektif pengharaman zina, kadangkala dia menghadapi kesukaran yang berat untuk menghindarinya. Perkara ini kerana dia hanya melihat pengharaman itu hanya sekadar haram dan satu kongkongan. Tetapi sesiapa yang mengetahui rahsia sebalik pengharaman itu sama ada adanya *maslahah* yang diimpikan atau *mafsadah* yang dihindari maka mudah baginya untuk menjauhkan diri dari zina itu.

Antara maqasid dalam penyaksian (*Maqasid fi Syahadat*) adalah Islam memperketatkan penyaksian dalam kes zina empat orang berbanding qisas dan hudud yang lain hanya dua orang sahaja. Maqasid penyaksian dalam bab ini diperketatkan berbanding saksi kes bunuh ialah kerana dalam kes bunuh orang itu tidak mudah menuduh orang lain membunuh melainkan jika wujud mayat, namun dalam zina ia begitu mudah untuk menuduh dalam keadaan orang yang dituduh sukar untuk menafikannya. Saksi dalam kes bunuh diringankan demi menjaga darah manusia agar tidak hilang begitu sahaja tanpa hukuman yang setimpal, berbeza dalam zina bilangan saksi diperketatkan demi memelihara maruah manusia.

Ini menunjukkan matlamat yang berbeza mempengaruhi hukum dan undang-undang Tuhan adalah yang terbaik dalam kes penyaksian ini. Bagi fuqaha tradisi dan semasa terdapat perbezaan dalam menggunakan istilah yang berkaitan maqasid seperti menafsirkan maksud memelihara agama, jiwa, akal, keturunan, harta atau maruah dengan skop yang lebih luas yang meliputi hak-hak kemanusiaan. Keempat-empat mazhab Islam telah menjadikan maqasid sebagai salah satu elemen dalam mengeluarkan hukum berbeza dengan golongan yang hanya berpegang secara literal seperti golongan zahiri mahupun golongan yang terlalu mendewakan maqasid sehingga melupakan teks.

## BIBLIOGRAFI

- Abd al-Salam, Izzudin.1991. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Kaherah:Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Abu Sulayman, Abdul Wahhab.2009. *al-Maqasid fi Manasik*. London: Muassasah al-Furqan.
- Awdah, Jasar. (ed.), 2008. *Maqasid al-Syari'ah wa al-Ijtihad*. London: Mu'assasah al-Furqan li Turath al-Islami.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Fiqh al-Maqasid Inatah al-Ahkam al-Syar'iyyah bi maqasidiha*. Herndon: IIIT.
- \_\_\_\_\_. 2007. "Madkhal Maqasidi li Ijtihad" dalam *Maqasid al-Syariah wa Qadaya al-'Asr*. London: Mu'assasah al-Furqan li Turath al-Islami.
- al-Awwa, Muhammad Salim, 2009. *Dur al-Maqasid fi Tasyri'at al-Mua'sirah*.London: Mu'assasah al-Furqan li Turath al-Islami.
- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, 1992. *Dawabit al-Maslalah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Fasi, 'Alal, 2011. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah wamakarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Ghali, Balqasam, 1996. *Shaykh Muhamad Tahir bin Ashur*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir, (2009), *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiah*, Kaherah, Dar al-Salam.
- al-Karboli, Abdul Salam 'Ayadah, 2008. *Fiqh al-Awlaiyyat fi Zilal Maqasid Syari'ah*. Damsyik: Dar al-Taibah.
- al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar, 1421H. *'Ilm al-Maqasid al-Shari'ah*. Maktabah al-Abikan: Riyadh.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Fusul fi Ijtihad wa al-Maqasid*. Dar al-Salam: Kaherah.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2012. *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

- al-Qaradawi, Abdul Rahman bin Yusuf Abdullah. 2000. *Nazariyyat Maqasid Syari'ah bayn Ibn Taimiyyah wa Jamhur al-Usuliyyin*. Kaherah: Universiti Kaherah.
- al-Qaradawi, Yusuf, 2006. *Dirasah fi fiqh Maqasid Syariah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- \_\_\_\_\_ 2001. *Dur al-Zakat fi 'Ilaj al-Muskilat al-Iqtisadiyyah*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- \_\_\_\_\_ (t.t) *Islam dan Isu Semasa Bersama Dr Yusuf al-Qaradawi*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Rafi', Mahmad bin Muhammad. 2001. *al-Nazar al-Maqasidi ru'yah Tanziliyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Raisuni, Ahmad, 1992. *Nazariat al-Maqasid Inda Imam al-Syatibi*. Herndon: IIIT.
- \_\_\_\_\_ 2009. *Muhadarat fi Maqasid al-Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- \_\_\_\_\_ 2010. *Madkhal 'ila Maqasid Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Husain. 2007. *Maqasid al-Syari'ah*, Shah Alam: Karya Bestari.
- Sa'adat, Ismail. 2011, *Maqasid al-syari'ah al-Islamiah inda al-Imam al-Ghazali*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- al-Syatibi, Abu Ishak, 1991. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- al-Yubi, Muhamad Saad bin Ahmad, 1998. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- al-Zuhaili, Muhamad, 2002. "Maqasid al-Syari'ah Asas li Huquq al-Insan" dalam Ahmad al-Raisuni (ed.), 2002. *Huquq al-Insan Mahur Maqasid al-Syari'ah*. Kitab al-Ummah, bil.87, Muharram 1422.